



Infografik

HALA TUJU MALAYSIA UNTUK KELUAR  
DARIPADA KEMELUT PANDEMIK  
COVID-19 DENGAN SELAMAT



**Malaysia**  
**MENANG**  
**BERSAMA**

#menangbersama



# Malaysia **MENANG BERSAMA**

---

**Selembar benang mungkin kuat.**

**Tetapi tidak sekuat dan sekukuh  
beberapa lembar benang yang dijalinkan bersama.**

**Dalam 64 tahun kita sebagai satu negara,  
asas negara sentiasa berteraskan  
perpaduan dalam kepelbagaian**

**Dalam waktu yang mencabar ini,  
kita memerlukan kekuatan ramai.**

**Bersatu untuk Malaysia.**

**Kita memerlukan kekuatan bersama,  
kerana 34 juta rakyat Malaysia  
memerlukan kita kukuh.**

**Demi kita semua.  
Demi masa depan kita.  
Demi negara tercinta.**

**Ayuh bersatu, untuk menang bersama.**

**#menangbersama #strongertogether**

# SITUASI SEMASA



Negara telah melaksanakan beberapa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang penularan wabak COVID-19 sekaligus **melindungi anda dan orang tersayang** serta **meringankan beban sektor kesihatan negara**

Setakat Julai 2021, pandemik COVID-19 telah mengakibatkan **>4 juta kematian** di seluruh dunia



Kemunculan varian baharu COVID-19 yang berisiko tinggi menyebabkan peningkatan kes harian dan memerlukan rakyat **duduk di rumah**



**Kebanyakan perniagaan masih tidak dibenarkan beroperasi** untuk mengekang penularan

1

**PPN** dirangka berdasarkan:

- ✓ Memperkuuh Sistem Kesihatan Awam
- ✓ Memperkasa Program Vaksinasi
- ✓ Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat dan Menyokong Perniagaan

3

Panduan memperincikan **perancangan dan strategi peralihan** secara berfasa

2

Bersifat dinamik dan berlandaskan **data dan sains**

4

Menggunakan **Pendekatan Seluruh Negara** iaitu sebuah pelan pemulihan yang melibatkan semua

# FASA-FASA PEMULIHAN

Pelan Pemulihan Negara (PPN) dibahagikan kepada

## 4 Fasa

Fasa-fasa ini dilaksanakan di peringkat negeri dan negara

**Fasa 1**

**Fasa 2**

**Fasa 3**

**Fasa 4**



Peralihan ke fasa seterusnya akan dibuat berdasarkan kajian data dan bukti yang menyeluruh

Peralihan fasa tertakluk kepada

## 3 Nilai Ambang Utama



Kadar Vaksinasi Penuh Rakyat Dewasa

10%

40%

60%



Kes Baharu Harian

4,000

2,000

<500



Kapasiti Unit Rawatan Rapi (ICU)

Sederhana

Memadai

Memadai

# SOP UMUM FASA 1



**Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi ditutup;  
Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)**

**Taska dan tadika hanya dibenarkan beroperasi untuk anak-anak  
petugas barisan hadapan dan perkhidmatan perlu sahaja**



**Pusat jagaan dan pusat rehabilitasi boleh  
beroperasi tertakluk kepada SOP\***

**2 wakil dari setiap isi rumah dibenarkan keluar  
untuk mendapatkan barang keperluan asas  
(lingkungan radius 10 km)**



**Anda dibenarkan pergi ke pasar harian  
semasa waktu operasi yang ditetapkan**

**Anda tidak dibenarkan makan di restoran;  
hanya perkhidmatan membungkus makanan dibenarkan**



**Aktiviti sosial tidak dibenarkan**

\*Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke laman web MKN [SOP Perintah Kawalan Pergerakan | Laman Web MKN](#)

# SOP UMUM FASA 1



Anda dibenarkan berjogging di luar dan berbasikal hanya di kawasan kejiran anda

Aktiviti beribadah di tempat beribadah, tertakluk kepada panduan pihak berkuasa berkenaan




Pendaftaran perkahwinan, majlis akad nikah dan acara pengebumian dibenarkan dengan had 10 orang



Anda tidak dibenarkan merentas daerah dan negeri



Aktiviti pelancongan domestik atau luar negara tidak dibenarkan



Hanya perkhidmatan perlu dibenarkan. Pekerja di tempat kerja dihadkan kepada:

- ✓ Sektor Awam: kapasiti 40%
- ✓ Sektor Swasta: kapasiti 60%


\*Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke laman web MKN [SOP Perintah Kawalan Pergerakan | Laman Web MKN](#)

# SOP UMUM FASA 2



**Pelajar yang akan menduduki peperiksaan dibenarkan menghadiri kelas secara bersempena**

**Anda dibenarkan melakukan sukan tanpa sentuhan fizikal di luar**



**Penambahan kepada sektor perniagaan yang dibenarkan. Pekerja di tempat kerja dihadkan kepada:**

- ✓ Sektor Awam: kapasiti 60%
- ✓ Sektor Swasta: kapasiti 80%

**Selain daripada SOP di atas, SOP Umum Fasa 1 masih berkuatkuasa**



\*Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke laman web MKN [SOP Perintah Kawalan Pergerakan | Laman Web MKN](#)

# SOP UMUM FASA 3



**Taska dan tadika dibenarkan beroperasi**

**Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institusi Pengajian Tinggi dibenarkan untuk dibuka**



**Anda dibenarkan pergi ke pasar malam dan pasar minggu tertakluk kepada SOP\***



**Anda dibenarkan makan di restoran, tertakluk kepada had kapasiti semeja\***



**Anda dibenarkan menjemput tetamu ke rumah, tertakluk kepada had kapasiti\***



**Anda dibenarkan melakukan semua aktiviti sukan**

\*Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke laman web MKN [SOP Perintah Kawalan Pergerakan | Laman Web MKN](#)

# SOP UMUM FASA 3



**Pendaftaran perkahwinan, dan majlis akad nikah dibenarkan dengan had kapasiti yang dipertingkatkan**

**Acara dan persembahan siaran langsung dibenarkan tanpa kehadiran fizikal penonton**



**Anda dibenarkan merentas daerah, di dalam negeri yang sama**

**Anda boleh mengunjungi tempat tarikan pelancongan dalam negeri (kumpulan yang terhad)**



**Semua sektor perniagaan dibenarkan kecuali sektor yang mempunyai risiko penularan tinggi** (contoh: spa, pusat hiburan, dll). Tertakluk kepada had kapasiti pekerja dan SOP\*

\*Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke laman web MKN [SOP Perintah Kawalan Pergerakan | Laman Web MKN](#)

# SOP UMUM FASA 4



Anda **dibenarkan makan di restoran**, tertakluk kepada had kapasiti tempat makan dan SOP penjarakan sosial\*



Anda **dibenarkan mengadakan aktiviti perjumpaan sosial**, tertakluk kepada had kapasiti dan SOP penjarakan sosial\*



**Acara dan persembahan siaran langsung dibenarkan**, tertakluk kepada had kapasiti penonton\*



Aktiviti beribadah di **tempat beribadat** tertakluk kepada had kapasiti dan SOP penjarakan sosial\*



**Pergerakan dan pelancongan** tertakluk kepada garis panduan\*:

- ✓ Dalam Negara: Dibenarkan
- ✓ Luar Negara: Tertakluk kepada penilaian risiko dan persetujuan antara kerajaan (*Government-to-Government*)

Semua sektor perniagaan dibenarkan. Had pekerja adalah **berkapasiti penuh** tertakluk kepada pematuhan SOP\*



\*Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke laman web MKN [SOP Perintah Kawalan Pergerakan | Laman Web MKN](#)

# BANTUAN UNTUK ANDA



Bantuan tunai secara langsung melalui program **Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), Bantuan Khas COVID-19 (BKC)** dan lain-lain



**Bantuan makanan keperluan asas seperti Program Bakul Makanan sehingga Oktober 2021\*** (tertakluk kepada tarikh pelaksanaan)



**Meringankan beban aliran tunai anda** melalui diskauan bil elektrik, subsidi minyak masak dan **penangguhan bayaran pinjaman bank dan pendidikan** serta bayaran premium insurans / takaful



**Mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan kebolehpasaran** melalui **Inisiatif Penempatan Kerja dan Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran**



**Melindungi kebajikan diri anda dalam tempoh yang mencabar ini** melalui **bantuan khas** untuk menangani **isu sosial** di bawah program **PEMULIH**

\*Untuk senarai inisiatif menyeluruh, sila rujuk ke NRP atau [MANFAAT portal](#)



Usaha untuk menentang COVID-19 masih belum sampai ke penghujungnya.  
**Kita harus meneruskan amalan norma baharu**




**Kerap basuh tangan anda dengan menggunakan sabun dan air**



**Pakai pelitup separuh muka yang menutup hidung dan mulut anda**



**Berhati-hati untuk tidak menyentuh muka anda**



**Kekalkan penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter)**



**Elakkan berada di tempat sesak dan ruang dalam yang tiada sistem pengudaraan yang baik**



**Segera dapatkan ujian pengesanan COVID-19 jika anda mengalami simptom**



**Dapatkan vaksin COVID-19 secepat mungkin**

# #menangbersama



Maklumat Lanjut Mengenai SOP:  
<https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-perintah-kawalan-pergerakan/>

Maklumat Lanjut Mengenai Vaksin COVID-19:  
<https://www.vaksincovid.gov.my/>

Maklumat Lanjut Mengenai Bantuan Untuk Anda:  
<http://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php>



Maklumat Lanjut Mengenai Vaksin COVID-19:  
**1800-888-828**

Maklumat Lanjut Mengenai Bantuan Untuk Anda:  
**03-2240 9494**



Maklumat Lanjut Mengenai Vaksin COVID-19:  
[info@vaksincovid.gov.my](mailto:info@vaksincovid.gov.my)

Maklumat Lanjut Mengenai Bantuan Untuk Anda:  
[belanjawan2021@treasury.gov.my](mailto:belanjawan2021@treasury.gov.my)

Maklumat Lanjut Mengenai PPN:

Portal PPN



<https://pelanpemulihannegara.gov.my/>